



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

LAPORAN:
KEMISKINAN DALAM KALANGAN IBU TUNGGAL DI JOHOR

SUBJEK:
UHS1022 (FALSAFAH DAN ISU SEMASA)

NAMA PENSYARAH:
DR. ABDUL HALIM B. ZULKIFLI

AHLI KUMPULAN:

BIL	NAMA	NO. MATRIK
1.	ADAM WAFII BIN AZUAR	A20EC0003
2.	AHMAD MUHAJIMIN BIN AHMAD HAMBALI	A20EC0006
3.	FARAH IRDINA BINTI AHMAD BAHARUDIN	A20EC0035
4.	MAIZATUL AFRINA SAFIAH BINTI SAIFUL AZWAN	A20EC0204

Isi Kandungan

1.0 Pengenalan	2
2.0 Lokasi Kajian	4
3.0 Objektif Kajian	5
4.0 Rasional Kajian	6
5.0 Kepentingan Kajian	7
6.0 Permasalahan Kajian	9
Masalah sebelum kajian dilakukan	9
Masalah semasa kajian dilakukan	9
Masalah selepas melakukan kajian	10
7.0 Cadangan Mengatasi Permasalahan	11
8.0 Kesimpulan	15
9.0 Rujukan	17

1.0 Pengenalan

Kepincangan sosioekonomi seseorang individu mampu mengundang gangguan emosi hingga mendesak individu menjalani kehidupan yang sukar akibat kesempitan hidup yang serba kekurangan. Golongan ini berusaha sedaya upaya untuk meneruskan kehidupan seharian. Tambahan pula, individu yang mempunyai tanggungjawab yang berat untuk digalas. Antara golongan yang menjalani kehidupan yang sukar ialah ibu tunggal. Fenomena ibu tunggal bukanlah sesuatu yang baru dalam masyarakat kita. Tetapi, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, ia menjadi satu topik yang mengundang perbincangan bila kita bercakap tentang wanita dan keluarga (Zakirah, 2014).

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, ibu tunggal dapat ditakrifkan sebagai wanita yang bergelar seorang ibu untuk membesarkan serta mendidik anaknya seorang diri tanpa kehadiran suami kerana perceraian atau kematian dan sebagainya. Bagi wanita yang menjadi ibu tunggal akibat yang kematian suami, dia terpaksa meneruskan tugasnya dalam membesarkan anak-anak tanpa kehadiran seorang suami di sisi. Namun, bagi wanita yang menjadi ibu tunggal akibat perceraian, dia terpaksa menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang ibu jika hak penjagaan ke atas anak-anak telah diberikan kepadanya.

Setelah ketiadaan suami di sisi, terdapat banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh seseorang yang bergelar ibu tunggal untuk menjalani kehidupan seharian. Bagi isteri yang tidak bekerja atau dalam erti kata lain merupakan suri rumah, ia bukanlah satu perkara yang mudah untuk mencari pekerjaan dan menjana pendapatan. Tambahan pula, dengan masalah ekonomi sekarang, untuk mencari sesuatu pekerjaan bukan perkara yang mudah. Jika pelajar lepasan ijazah mendapati sukar untuk mendapatkan pekerjaan, ini pula seorang ibu tunggal yang tidak mempunyai pengalaman bekerja. Tambahan lagi, bagi mereka yang tidak mempunyai kelayakan yang sesuai. Hal ini menjadikan satu beban kepada mereka dalam menjalani kehidupan seharian (Zanalisa, 2012).

Bagi ibu tunggal yang hanya bekerja uruskan niaga kecil-kecilan seperti membuka gerai kecil atau menggunakan kemahiran yang ada sebagai satu sumber pendapatan seperti menjahit dan sebagainya juga menghadapi cabaran yang sama. Hal ini demikian kerana sebelum ini mereka

mengharapkan sumber pendapatan daripada suami mereka untuk menjalani kehidupan. Sumber pendapatan yang mereka peroleh dari urus niaga kecil-kecilan mereka hanyalah menjadi sumber pendapatan sampingan. Untuk menanggung anak-anak termasuk diri mereka adalah satu perkara yang mustahil jika bergantung harap dengan pendapatan yang mereka peroleh.

Secara tidak langsung, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal ini dapat memberi impak yang negatif kepada anak-anak. Hal ini demikian kerana tidak lengkap satu keluarga itu tanpa kehadiran seorang bapa. Tanpa seorang bapa di sisi anak-anak, kasih sayang dari seorang yang bergelar ayah akan terbatas. Oleh itu, terdapat banyak kesan buruk yang boleh berlaku terhadap anak-anak yang datang dari keluarga ibu tunggal.

Kanak-kanak ini akan dinafikan hak dan kasih sayang ibu bapa, kemesraan, didikan agama serta yang paling penting adalah perhatian dari kedua-dua ibu atau bapa (Diyana et al., 2009). Anak-anak yang kurang mendapat kasih sayang dari seorang bapa ini pasti cemburu akan kawan-kawan mereka yang mempunyai seorang ayah. Hal ini demikian kerana keluarga ibu tunggal ini dianggap sebagai sebuah keluarga yang tidak normal kerana ketiadaan seorang suami atau bapa di samping isteri dan anak. Oleh itu, anak-anak yang datang dari keluarga ibu tunggal akan menjalani kehidupan mereka tidak sama dengan anak-anak yang datang dari keluarga normal.

Untuk mengelakkan kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal, beberapa inisiatif haruslah diambil bagi mengelakkan impak-impak yang buruk terhadap tumbesaran anak-anak sekali gus untuk mengelakkan gangguan emosi yang dihadapi oleh seseorang ibu tunggal tersebut. Selain itu, inisiatif yang dijalankan ini juga dapat mengelakkan kadar peningkatan kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal. Oleh hal yang demikian, kehidupan seorang ibu tunggal bersama anak-anak akan terjamin.

2.0 Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di seluruh kawasan negeri Johor. Johor adalah salah satu negeri di Malaysia yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia. Ibu negeri Johor adalah Johor Bahru iaitu sebuah bandar raya di selatan negeri ini. Antara bandar-bandar utamanya ialah Batu Pahat, Muar dan Kluang. Keluasan negeri Johor adalah lebih kurang 20 ribu kilometer persegi. Negeri Johor ini juga merupakan negeri kelima terbesar dalam Malaysia. Tujuan lokasi untuk menjalankan kajian tentang kadar kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal adalah kerana mengikut statistik, terdapat jumlah ibu tunggal yang besar di Johor. Banyak maklumat yang dapat dikumpul untuk dianalisis apabila memilih lokasi tersebut untuk menjalankan kajian.

3.0 Objektif Kajian

Masalah kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal di dalam negara kita menjadi isu yang kurang mendapat perhatian daripada pihak berkuasa sama ada pihak kerajaan atau bukan kerajaan. Terdapat beberapa situasi yang menyebabkan masalah ini tercetus seperti kematian suami atau perpisahan dan individu tersebut tidak mempunyai sumber pendapatan yang stabil untuk menyara hidup sendiri dan anak-anak. Ibu tunggal akan melalui cabaran untuk menanggung anak-anak kecil atau mempunyai anak yang bermasalah. Anak yang melalui pergaduhan atau perpisahan di antara ibubapa mereka akan cenderung untuk menjadi anak yang bermasalah kerana terpaksa membesar dalam persekitaran yang negatif dan tidak sihat. Berdasarkan kepada pernyataan di atas, di sini dinyatakan objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik di mana objektif tersebut adalah:

- 1.Mengenalpasti punca dan sebab kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal.
- 2.Mengidentifikasi inisiatif yang boleh diambil untuk mengelakkan kadar peningkatan kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal.
- 3.Mengenalpasti akibat terhadap anak-anak daripada kemiskinan kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal.
- 4.Mengidentifikasikan keberkesanan inisiatif kerajaan mengatasi isu kemiskinan ibu tunggal.

4.0 Rasional Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji mengenai kadar kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal di Johor yang semakin meningkat jumlahnya. Tajuk kajian ini dipilih adalah kerana masih ramai rakyat Malaysia yang tidak sedar bahawa terdapat sejumlah yang besar rakyat yang masih kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Hal ini kerana segelintir daripada mereka dikaburi oleh kesenangan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memupuk rasa cakna dalam diri terhadap kemiskinan yang dialami oleh ibu tunggal yang semakin merunsingkan. Kejadian ini bukan sahaja dirasakan oleh ibu tunggal di Johor tetapi di seluruh Malaysia. Perkara ini akan mengakibatkan sistem sosial dan sistem pendidikan dalam kerana yang terlibat akan terjejas. Selain itu, kajian ini juga dijalankan dengan tujuan untuk memupuk sifat empati dalam diri rakyat Malaysia terhadap mereka yang berada dalam kesusahan. Sifat empati ini adalah sangat penting kerana ia mengajar kita untuk memahami bagaimana perasaan orang lain supaya kita dapat identifikasikan tindak balas yang sewajarnya kita lakukan pada sesuatu situasi. Selain itu, sifat empati ini sering dihubungkan dengan tingkah laku seseorang individu. Beberapa kajian menunjukkan bahawa sifat empati yang tinggi dalam diri seseorang membawa kepada tingkah laku yang lebih baik. Jadi, dengan memupuk sifat empati dalam rakyat Malaysia, banyak masalah-masalah sosial yang berlaku dapat diselesaikan.

5.0 Kepentingan Kajian

Hubungan sosial yang wujud di persekitaran setempat semakin hilang dan mereka mulai tersusun semula mengikut masa dan ruang. Pertumbuhan ekonomi suatu wilayah dapat membawa kesejahteraan ke daerah sekitarnya. Namun, ia juga boleh menyebabkan kemerosotan dan krisis di wilayah lain. Ketergantungan pada ekonomi negara maju menyebabkan negara-negara lain sekarang ketinggalan dan dijadikan bahan eksperimen yang sudah semestinya akan menimbulkan ketidaktentuan sosio ekonomi dan politik dalaman. Ibu tunggal adalah mereka yang kurang mendapat perhatian daripada pihak berwajib. Dalam masyarakat Malaysia, wanita yang berpisah dengan suami atau meninggal disebut janda, balu atau ibu tunggal. Namun, di dalam kajian ini, istilah yang digunakan adalah ibu tunggal. Biasanya ibu tunggal perlu menghadapi pelbagai cabaran dan liku-liku untuk meneruskan kehidupan tanpa suami. Ini juga termasuk para-para ibu tunggal yang harus menanggung beban anak-anak kecil dan anak mereka yang sentiasa membuat masalah. Oleh itu, terdapat beberapa kepentingan mengapa kajian tentang masalah kemiskinan ibu tunggal ini dijalankan.

Pertama tamanya, untuk memperlihatkan kepada seluruh masyarakat di negara kita tentang wujudnya golongan ibu tunggal yang menghadapi masalah kemiskinan. Seperti yang kita sedia maklum, golongan ibu-ibu tunggal ini selalu tidak diambil berat oleh pihak berkuasa. Terutamanya, bagi mereka yang mengalami masalah kewangan lebih-lebih lagi pada era pandemik COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia. Keadaan ini bertambah susah sekiranya pekerjaan tetap tidak mampu diperolehi. Kita sering dengar tentang kisah ini di media akhbar dan media massa tetapi adakah masyarakat sedar akan perkara ini dan memberi bantuan kepada golongan ini. Sebaliknya apa yang berlaku sekarang, masyarakat sering memberikan pandangan yang negatif kepada golongan ibu tunggal. Kebanyakan daripada golongan ini membuat keputusan untuk tinggal bersama keluarga mereka selepas ditinggalkan atau kematian suami dan masih mempunyai anak-anak kecil kerana yakin akan keselamatan anak-anaknya. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang wujudnya golongan ibu tunggal yang tidak bernasib baik dan inisiatif untuk menghulurkan bantuan kepada golongan ini.

Seterusnya, kajian ini dilakukan untuk melihat setinggi mana kadar kemiskinan golongan ibu tunggal di negara kita. Menurut laporan bancian pada tahun 2000, terdapat seramai 620,389 ibu tunggal yang berbilang kaum di negara ini. Manakala, laporan akhbar menyatakan seramai 529,701 ibu tunggal adalah balu dan 90,688 merupakan mereka yang bercerai atau hidup bercerai (Berita Harian, 2003). Kekurangan pungutan data oleh pihak berwajib terhadap bilangan ibu tunggal di seluruh negara menyukarkan penyelidik untuk mengetahui jumlah ibu tunggal terkini. Dengan jumlah ibu tunggal yang semakin meningkat dari tahun ke tahun selari dengan jumlah penceraian yang telah menjangkau angka 20,529 kes pada tahun 2007 bagi mereka yang beragama Islam manakala bilangan kes bagi kaum lain tidak dapat diperolehi. Keadaan ini cukup membimbangkan kerana ianya mampu memberikan kesan rantaian yang tinggi kepada pembentukan jiwa kanak-kanak malah institusi kekeluargaan itu sendiri akan turut terancam. Oleh yang demikian, kajian ini perlu dilaksanakan untuk mendapat data yang terkini tentang kadar kemiskinan golongan ibu tunggal terutamanya di Johor agar segala data dapat dikumpulkan dan dianalisis untuk dijadikan sebagai bukti yang dapat menyokong kajian. Pengumpulan data akan dibuat melalui borang soal selidik yang telah diedarkan dan data-data yang dikumpul akan dianalisis menggunakan analisis deskriptif seperti carta pai, carta palang dan carta lajur.

6.0 Permasalahan Kajian

Semasa kajian ini dijalankan iaitu kajian tentang masalah kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal terutamanya di Johor, terdapat beberapa masalah yang dihadapi untuk melengkapkan kajian ini. Masalah - masalah ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu masalah sebelum memulakan kajian, masalah semasa kajian dilakukan dan masalah selepas melakukan kajian.

Masalah sebelum kajian dilakukan

Disebabkan pandemik Covid-19 yang sedang berlaku, kajian ibu tunggal ini tidak dapat dilaksanakan dengan efisien. Hal ini demikian kerana, terdapat beberapa faktor masalah sebelum kajian ini dilakukan. Antaranya ialah sukar untuk berbincang bersama ahli kumpulan kerana pelajar masih tidak dibenarkan untuk pulang ke kampus. Hal ini membuatkan kami tidak bersemuka dan sukar untuk berbincang. Selain itu, capaian internet yang tidak stabil juga menjadi masalah utama sebelum kajian dilakukan. Disebabkan tidak semua orang mempunyai capaian internet yang baik di kawasan rumah, kajian ini juga sukar untuk dijalankan. Akhir sekali ialah sukar untuk menemu ramah orang. Disebabkan pandemik ini, aktiviti untuk bersosial dengan orang tidak dibenarkan.

Masalah semasa kajian dilakukan

Semasa kajian ini dilakukan, terdapat beberapa masalah dihadapi oleh ahli-ahli kumpulan. Masalah yang utama adalah kesukaran untuk berbincang disebabkan jadual harian yang berlainan. Disebabkan berlakunya pandemik COVID-19 pada masa ini, segala perbincangan perlulah dilakukan melalui atas talian menggunakan aplikasi-aplikasi seperti Webex, Google Meet, Zoom dan sebagainya namun terdapat beberapa ahli yang mempunyai aktiviti lain semasa perbincangan dilakukan. Selain itu, masalah internet juga adalah antara masalah yang sering dihadapi oleh para pelajar terutamanya sekarang semua pelajar hanya belajar melalui atas talian. Seperti yang kita sedia maklum terdapat beberapa kawasan yang tidak mempunyai internet yang stabil dan hal ini menyebabkan para pelajar sukar untuk mencari maklumat di atas talian memandangkan kita sekarang hanya boleh berada di rumah. Akhir sekali adalah kesukaran untuk menemu ramah orang sekeliling untuk dijadikan data dalam laporan. Masyarakat pada hari ini perlu berwaspada dan

sentiasa menjaga penjarakan di antara satu sama lain dan oleh sebab itu borang soal selidik telah diagihkan melalui aplikasi Whatsapp dan Telegram untuk dijadikan bahan bukti laporan.

Masalah selepas melakukan kajian

Selepas kajian ini dilakukan, terdapat dua masalah yang dihadapi iaitu salah satunya masalah jaringan internet. Masalah ini akan sentiasa dihadapi oleh para pelajar sama ada sebelum kajian dilakukan, semasa kajian dilakukan ataupun selepas kajian dilakukan. Hal ini telah menyebabkan tempoh penyediaan dan penyiapan laporan menjadi lebih panjang. Seterusnya iaitu masalah kedua yang dihadapi adalah jumlah responden yang tidak mencukupi. Hal ini kerana, jumlah responden yang dikumpul tidak mencapai target bilangan responden yang diinginkan. Walaupun begitu, kajian dan laporan masih diteruskan untuk mencari bukti-bukti dan mencari maklumat tentang kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal di Johor.

7.0 Cadangan Mengatasi Permasalahan

Beberapa usaha dan inisiatif telah dijalankan untuk mengatasi masalah kemiskinan. Antara usaha pembasmian kemiskinan di negara ini telah bermula semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970. Ianya terangkum dalam Rancangan Malaysia Pertama (1970-1975) dan usaha tersebut berterusan hinggalah ke hari ini. Dalam tempoh 30 tahun, kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan daripada 49.3% pada tahun 1970 dianggarkan dapat dikurangkan kepada 2.8% menjelang 2010(citation). Beberapa program oleh pihak berkuasa dapat dijalankan bagi membimbing para ibu tunggal di dalam negara untuk menyara hidup mereka dan anak-anak mereka.

1. Menyediakan program kemahiran

Beberapa usaha yang telah dijalankan untuk membasmi kemiskinan di kalangan wanita bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Program kemahiran seperti jahitan, pembuatan aksesori dan sulaman telah dilakukan untuk membina keluarga yang berdaya tahan bagi mencapai keseimbangan ekonomi dalam sesebuah keluarga. Program yang memfokuskan kemahiran sangat membantu para ibu tunggal terutama yang sudah berumur kerana mereka sudah tidak sesuai untuk melibatkan diri untuk program akademik atas faktor umur. Kemahiran sangat berguna pada masa ini kerana dengan kemahiran ibu tunggal dapat memulakan perniagaan kecilan seperti menyediakan khidmat jahitan. Mereka hanya perlu menyebarkan info tentang kemahiran mereka tersebut melalui sosial media dan perkhidmatan tersebut dapat dijalankan. Kemahiran merupakan faktor utama bagi seseorang untuk memulakan pekerjaan. Dalam satu kajian, didapati bahawa 55.2% ibu tunggal yang dikaji mempunyai satu atau lebih kemahiran. (citation). Berdasarkan kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa majoriti ibu tunggal mempunyai kemahiran tersendiri memudahkan mereka untuk mendapatkan kerja. Program seperti ini hanya bertujuan untuk mengasah bakat kemahiran mereka dan menggalakkan mereka untuk melakukan pekerjaan menggunakan kemahiran mereka.

2. Melakukan program motivasi

Faktor kegagalan perniagaan dalam kalangan ibu tunggal adalah disebabkan kekurangan motivasi dalam diri mereka. Situasi ini berlaku kerana apabila mereka melalui ujian seperti kematian suami atau diceraikan suami, isteri akan melalui fasa “emotional changed”. Fasa tersebut adalah reaksi mental waras seperti berasa marah atau takut disebabkan kehilangan sesuatu perkara yang bermakna dalam hidup mereka, dalam konteks ini adalah suami. Fasa ini juga akan mengubah beberapa tingkah laku ibu tunggal tersebut. Penyakit mental seperti stress turut dialami oleh beberapa ibu tunggal selepas kematian atau penceraian suami. Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Tee pada tahun 2000, antara ciri-ciri wanita untuk melibatkan diri dalam perniagaan adalah wanita yang mempunyai matlamat yang teguh dan mereka yang sangat bermotivasi. Daripada kajian tersebut dapat disimpulkan bahawa motivasi dan kejayaan seseorang individu dalam perniagaan mempunyai hubungan yang ketara. Oleh yang demikian, program motivasi merupakan satu cara untuk membina semangat bagi memulakan perniagaan atau sesuatu pekerjaan.

3. Memberikan keperluan asas bagi memulakan perniagaan atau pekerjaan

Ketidakprihatinan pihak kerajaan dalam menyediakan keperluan asas bagi memulakan perniagaan atau pekerjaan dalam kalangan ibu tunggal telah menyebabkan kadar kejayaan perniagaan dalam kalangan ibu tunggal sangat rendah. Dalam membina potensi ibu tunggal bagi mencapai sesuatu kejayaan dalam sesuatu perniagaan atau pekerjaan, sokongan daripada beberapa pihak seperti pihak kerajaan, keluarga dan komuniti sangat penting. Keperluan asas seperti kenderaan atau modal awal perlulah diberikan untuk memberi galakkan dan semangat untuk berjaya. Latar belakang ibu tunggal perlu diambil kira kerana menurut statistik yang dikeluarkan dalam satu kajian tentang kemiskinan keluarga seramai 66 orang(28.7%) daripada 200 orang responden mempunyai pendapatan RM301- RM400 bulanan dan 30 orang(13.0%) tidak bekerja(citation). Oleh sebab itu, sebahagian ibu tunggal tidak mempunyai keperluan asas untuk bekerja atau untuk memulakan perniagaan. Penyerahan bantuan keperluan oleh kerajaan akan mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal secara drastik.

4. Memberikan pendidikan pada peringkat yang sesuai kepada ibu tunggal dan anak-anaknya

Pendidikan menjadi satu teras utama bagi menentukan kualiti sesebuah keluarga dari aspek kesihatan, persekitaran kerja dan lain-lain. Memberikan pendidikan kepada ibu tunggal dan anak-anak mereka dapat mengubah hidup mereka kerana dengan pendidikan dan kemahiran seseorang individu dapat mendapatkan kerja yang baik dan seterusnya mempunyai ekonomi yang stabil. Bajet 2009 menyatakan sejumlah 47.7 billion ringgit yang merupakan 23% daripada keseluruhan diperuntukkan untuk pendidikan dan latihan. Kaji selidik yang dijalankan pada tahun 2009 telah merekodkan 500 orang ibu tunggal mengikut tahap pendidikan. Sebilangan 58 orang (11.6%) tidak pernah sekolah, 138 orang (27.6%) menghabiskan sekolah rendah, 74 orang (14.8%) pada peringkat PMR atau setara, 170 orang (34.0%) pada peringkat SPM, 19 orang (3.8%) peringkat STPM, 39 orang (7.8%) pada peringkat Universiti dan akhir sekali 0.4% pada peringkat lain-lain(citation). Berdasarkan statistik ini, kita dapati bahawa majoriti ibu tunggal pada peringkat SPM. Mereka yang pada peringkat SPM dan kebawah mempunyai peluang untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat seterusnya dan seterusnya menerokai kemahiran dan bidang yang diminati. Secara tidak langsung, mereka dapat mengubah hidup mereka dan anak-anak dengan kemahiran dan kelayakan untuk mendapatkan pekerjaan yang menyediakan gaji yang lumayan menggunakan sijil mereka.

Kesimpulannya, Pelbagai usaha dan inisiatif yang boleh diambil pihak berkuasa untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal. Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 5.7 peratus pada tahun 2004 kepada 3.6 peratus pada tahun 2007.(citation). Bilangan isi rumah miskin tegar berkurangan 43.0 peratus daripada 67,300 isi rumah kepada 38,400 pada tempoh yang sama. Program untuk mengurangkan kemiskinan bagi ibu tunggal di luar bandar termasuklah Sabah dan Sarawak telah dilakukan. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada tahun 2006-2010, memfokuskan kepada usaha untuk membina keluarga yang seimbang. Akhir sekali, Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-Keunita) anjuran Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Johor (JPW Johor) pada 21-30 Oktober menjadi satu contoh usaha terbaik bagi mengatasi masalah kemiskinan ini.

8.0 Kesimpulan

Perubahan persekitaran global yang berlaku dengan pantas memaksa ibu tunggal untuk menjalani kehidupan mereka di samping anak-anak. Cabaran-cabaran serta isu yang sukar hendaklah dihadapi dengan tenang dan harus ditangani dengan sebaik mungkin. Oleh disebabkan cabaran-cabaran inilah, golongan ibu tunggal ini akan lebih berdikari dan berdaya tahan.

Di samping itu, setiap ibu tunggal perlulah mengamalkan tingkah laku tegas diri tidak kiralah yang bekerja mahupun tidak bekerja. Hal ini adalah bertujuan untuk menjadikan diri mereka lebih profesional untuk berhadapan dengan masyarakat. Selain itu, hal ini juga dapat memudahkan diri mereka untuk menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi dan tekanan peredaran arus semasa yang semakin mencabar dan agresif dalam mengejar kemajuan ekonomi.

Seterusnya, golongan ibu tunggal ini juga perlu diberi khidmat latihan dan nasihat. Hal ini demikian kerana dengan adanya latihan yang betul dan mencukupi, pengetahuan dan kemahiran ibu tunggal dalam bidang keusahawanan dapat ditingkatkan. Oleh hal yang demikian, mereka akan menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran perniagaan yang semakin global dan mencabar.

Dalam masa yang sama, hubungan ibu tunggal dengan anak-anak hendaklah diberi perhatian. Cara untuk mengekalkan hubungan yang sihat dengan anak-anak adalah dengan memberikan perhatian kepada cara bagaimana konflik itu ditangani. Walaupun sibuk mencari rezeki untuk menanggung keluarga, ibu juga perlu memberi perhatian terhadap anak-anak dengan bertanya tentang bagaimana perjalanan hari-hari anak tersebut. Hal ini dapat menimbulkan kemesraan antara ibu dan anak.

Tambahan pula, untuk menghadapi stigma dan anggapan buruk masyarakat terhadap ibu tunggal apabila bergelar seorang janda. Ibu tunggal itu sendiri hendaklah kuatkan mentalnya untuk mengabaikan apa yang dianggap oleh masyarakat. Bagi mereka, sokongan dari segi kewangan sahaja yang diperlukan oleh golongan ibu tunggal ini, namun sokongan dari segi emosi seolah-olah tidak perlu bagi golongan ini.

Secara keseluruhannya, masalah kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal hendaklah diambil serius dan diberi perhatian oleh semua pihak. Hal ini adalah untuk memastikan impak positif yang maksimum boleh dimanfaatkan oleh ibu tunggal yang menyertai program tersebut.

Kehidupan seorang ibu tunggal di samping anak-anaknya akan terjamin jika pihak yang berkuasa menjalankan inisiatif yang disenaraikan di atas.

9.0 Rujukan

- Asri, M., & Ghani, A. (2020). *Transformasi dan Prestasi Perniagaan Usahawan Melayu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Johor Bahru Transformation and Business Performance of Malay Entrepreneurs in Small and Medium Enterprises in Johor*. 1(2012), 696–708.
- HELENA REMEO Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) Fakulti Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia OGOS 2014. (2014).
- Johor, T. C. A. R. E. N., Nur, S., Binti, Z., & Hashim, M. (2014). *BEKERJA YANG BERDAFTAR DI PERTUBUHAN IBU*.
- Journal, I., & Vol, S. S. (2000). *POVERTY ALLEVIATION AMONG SINGLE MOTHER IN MALAYSIA : BUILDING ENTREPRENEURSHIP CAPACITY Rohayu Roddin Department of Engineering Education Faculty of Technical Education University of Tun Hussein Onn Malaysia , Malaysia Noor Sharipah Sultan Sidi Departmen*. 2(17), 92–99.
- Keusahawanan, A., & Kalangan, D. I. (2004). (*ENTREPRENEURIAL ACTIVITIES AMONG SINGLE MOTHER IN JOHOR*) PM DR HISHAMUDDIN MD SOM ROSSILAH MOHD JAMIL RESEARCH VOTE NO : *Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Universiti Teknologi Malaysia*.
- Pembangunan, M., Dalam, E., & Persekitaran, K. (2009). *ISU DAN CABARAN IBU TUNGGAH DALAM MENGHADAPI PERUBAHAN*. 1, 324–336.
- Quality, T. L. (2010). *Kualiti Hidup dan Harapan Masa Depan Ibu Tunggal Melayu Muslim di Pantai Timur Malaysia*. 32, 173–202.
- Selvaratnam, D. P., Ekonomi, P. P., Jurang, A., & Kemiskinan, P. P. (2012). *Program Pembasmian Kemiskinan Dalam Kalangan Ibu Tunggal : Analisis Penyertaan Dan Keberkesanan Poverty Alleviation Programme Among Single Mothers : An Analysis of Participation and Effectiveness*. 1, 248–259.
- UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS . (2012).